KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA
Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan
75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : 06-289 5000
Faks : 06-234 5201 / 5202 / 5207
Portal Rasmi : https://melaka.anm.gov.my

Ruj. Kami : ANM(UKPP)MEL/12 JILID 5(32)
Tarikh : 27 Mac 2026
Bersamaan : 7 Syawal 1447H

**Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)**

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PROSEDUR BERKAITAN WARAN PERJALANAN UDARA AWAM (WPUA) TAHUN 2026 – AIRASIA BERHAD**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan Surat Edaran Bahagian Khidmat Perunding, Jabatan Akauntan Negara Malaysia Ruj. : JANM.600-20/2/5 JLD 5 (20) bertarikh 6 Mac 2026 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa AirAsia Berhad telah mengemukakan prosedur berkaitan penggunaan semula *(reinstatement)* tiket penerbangan, pembatalan tempahan dan permohonan bayaran balik bagi Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA) AirAsia untuk tahun 2026 yang berkuat kuasa mulai 1 Mac 2026 seperti ketetapan berikut:

| Prosedur | Keterangan |
|---|---|
| Penggunaan semula *(reinstatement)* | Jenis penggunaan semula tiket tempahan WPUA yang dibenarkan serta tindakan yang perlu diambil adalah seperti yang diperincikan di **Lampiran A.** |
| Pembatalan | Permohonan yang lengkap mestilah dikemukakan sekurang-kurangnya 48jam sebelum tarikh penerbangan. Jenis pembatalan tempahan dan dokumen sokongan yang diperlukan adalah seperti yang diperincikan di **Lampiran B.** |
| Bayaran Balik | Permohonan yang lengkap hendaklah dibuat dalam tempoh tidak melebihi 180 hari dari tarikh penerbangan. Permohonan yang dikemukakan pada atau selepas 181 hari dari tarikh penerbangan tidak akan diproses dan akan ditolak. Jenis bayaran balik dan dokumen sokongan yang diperlukan adalah seperti yang diperincikan di **Lampiran C.** |

<table>
<tr><th>Prosedur</th><th>Keterangan</th></tr>
<tr><td></td><td>Permohonan bayaran balik adalah tertakluk kepada bayaran penalti seperti di bawah:<br><br>
<table>
<tr><td>Seorang/setiap penumpang (per person)</td><td>Perjalanan sehala (per sector/per way)</td><td>MYR 100 (tertakluk kepada bayaran cukai jualan dan perkhidmatan – SST)</td></tr>
</table>
</td></tr>
</table>

3. Semua permohonan perlu dihantar melalui e-mel kepada maa_gov_finance@airasia.com sahaja dan permohonan melalui pos dan kurier tidak akan dilayan.

4. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan ke atas perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"**
**"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"**
**"MALAYSIA MADANI"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
**"*Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan*"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(YONG KOK SIA FCCA, ACMA, CGMA, C.A.(M))**
Timbalan Pengarah
b.p Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Melaka

LAMPIRAN A

Rujukan: AIRASIA/PENGEMBALIANSEMULA/2026 25 Februari 2026

**MEMO**

Kepada: Jabatan Kerajaan

Dari : Kewangan Korporat AirAsia

Tarikh : 25 Februari 2026

Tajuk : Tatacara Pengembalian/Penggunaan Semula (*Reinstatement*) Tiket Tempahan Bagi Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA) AirAsia

**Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,**

Tuan/Puan,

Seperti perkara tajuk, kami lampirkan tatacara pengembalian/penggunaan semula (*reinstatement*) tiket tempahan WPUA AirAsia. Oleh itu, mohon perhatian pihak jabatan kepada perkara di bawah:

| **Jenis** | **Tindakan** |
|---|---|
| Penggunaan semula tiket No-Show - pada hari yang sama | • Penukaran dibenarkan ke penerbangan berikutnya dengan caj No-Show (juga tertakluk kepada perbezaan harga, sekiranya ada)<br>• Boleh dilakukan di kaunter lapangan terbang dan tidak memerlukan surat justifikasi. Dibenarkan pada hari yang sama sahaja<br>• KLIA 2 – Sila hadir ke kaunter X16/*Service Counter*<br>• Selain KLIA 2- Sila hadir ke kaunter *Premium Flex* |
| Penggunaan semula tiket No-Show - dalam tempoh 45 hari dari tarikh No-Show | • Penukaran dibenarkan ke tarikh penerbangan yang baharu dengan caj No-Show (juga tertakluk kepada perbezaan harga, sekiranya ada)<br>• Proses penggunaan semula tempahan perlu diuruskan oleh pihak agensi pelancongan dan tidak memerlukan surat justifikasi |

| | |
|---|---|
| Penggunaan semula tiket No-Show - selepas 45 hari dari tarikh No-Show dan tidak melebihi 180 hari | • Penukaran dibenarkan ke tarikh penerbangan yang baharu dengan caj No-Show (juga tertakluk kepada perbezaan harga, sekiranya ada)<br>• Proses penggunaan semula tempahan perlu diuruskan oleh pihak agensi pelancongan<br>• Surat rasmi jabatan untuk permohonan diperlukan beserta alasan yang kukuh untuk reinstatement.<br>• Surat rasmi daripada jabatan diperlukan bagi permohonan penggunaan semula tempahan, dengan menyertakan justifikasi yang kukuh beserta:<br>→ Salinan waran dan tiket<br>→ Surat mestilah menyatakan nama penumpang dengan jelas<br>→ Surat mesti merangkumi PNR, tarikh perjalanan asal, dan butiran penerbangan baru yang diminta (tarikh, masa, dan nombor penerbangan)<br>→ Surat harus mengesahkan bahawa jabatan atau penumpang bersetuju untuk membayar sebarang perbezaan harga tambang<br>→ Dokumen sokongan yang berkaitan mestilah dilampirkan<br>→ Bagi sebab perubatan, surat daripada hospital atau sijil perubatan (MC) mestilah disediakan.<br>*** Keputusan pengembalian/penggunaan semula (reinstatement) tiket adalah muktamad dan bergantung sepenuhnya kepada penilaian pihak **Jabatan Jualan dan Pengurusan Saluran AirAsia.*** |
| Penggunaan semula tiket No-Show selepas 180 hari | • **Tidak dibenarkan** |

Rujukan: AIRASIA/PENGEMBALIANSEMULA/2026 25 Februari 2026

Sebarang maklumat lanjut, tuan/puan boleh menghubungi kami di 03-8660 0004 atau emel kepada maa_gov_finance@airasia.com & maa_gacsales@airasia.com

Sekian, terima kasih.

**Kewangan Korporat AirAsia**
AirAsia Berhad

LAMPIRAN B

Rujukan: AIRASIA/PEMBATALAN/2026 16 Februari 2026

**MEMO**

Kepada : Jabatan Kerajaan

Dari : Kewangan Korporat AirAsia

Tarikh : 16 Februari 2026

Tajuk : Tatacara Pembatalan Tempahan Bagi Tiket Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA)

**Assalamualaikum dan Salam Sejahtera ,**

Tuan/Puan,

Kami lampirkan tatacara pembatalan tempahan bagi tiket WPUA **berkuatkuasa pada 1 Mac 2026.**

Oleh itu, mohon perhatian pihak jabatan kepada perkara di bawah:

1. **Permohonan pembatalan yang lengkap** mestilah dibuat **sekurang-kurangnya 48 jam sebelum tarikh penerbangan.**

2. Semua permohonan pembatalan perlu diemelkan kepada **maa_gov_finance@airasia.com** sahaja dan permohonan melalui pos dan kurier tidak akan dilayan.

3. Sebarang maklumat lanjut, tuan/puan boleh menghubungi kami di 03-8660 0004 atau emel kepada maa_gov_finance@airasia.com

4. Keputusan pembatalan tempahan adalah muktamad dan bergantung sepenuhnya kepada penilaian pihak kewangan korporat AirAsia Berhad.

5. Terma dan syarat seperti di lampiran.

Sekian, terima kasih.

**Kewangan Korporat**
AirAsia Berhad

Rujukan: AIRASIA/PEMBATALAN/2026 16 Februari 2026

**LAMPIRAN.**

Berikut ialah jenis pembatalan tempahan dan dokumen yang diperlukan:

| Jenis-jenis Pembatalan Tempahan | Syarat Permohonan Pembatalan Tempahan | Dokumen yang Diperlukan |
|---|---|---|
| Urusan rasmi jabatan dibatalkan/dipinda/bertindih/mesyuarat berpanjangan | Tidak menaiki penerbangan kerana urusan rasmi | • Surat rasmi jabatan untuk permohonan pembatalan tempahan<br>• Salinan waran dan tiket<br>• Surat/memo/email berkaitan pembatalan atau pindaan program/aktiviti/urusan rasmi |
| Kes Perubatan | Tidak dapat menaiki penerbangan kerana dimasukkan ke hospital – kecederaan berat yang menjejaskan pergerakan / penyakit serius yang memerlukan rawatan berterusan / kehamilan (melebihi 35 minggu / keguguran / dll) | • Surat rasmi jabatan untuk permohonan pembatalan tempahan<br>• Salinan waran dan tiket<br>• Surat Keterangan Rasmi dari Hospital/Klinik<br>• Tahap Kesihatan<br>• Laporan Perubatan (X-ray, Ujian Makmal, Laporan Pembedahan, dll)<br>• Tempoh Pemulihan/Rawatan dan tempoh tidak dibenarkan untuk terbang (tarikh kemasukan dan tarikh keluar; untuk kemasukan hospital yang berterusan, tarikh kemasukan sahaja adalah mencukupi)<br>• Tandatangan Doktor/Pakar Perubatan yang Merawat<br>• Cop Rasmi Doktor/Pakar Perubatan yang Merawat<br>• Tarikh surat dikeluarkan<br>• Bukti Pertalian sekiranya anda mengemukakan permohonan bagi pihak ahli keluarga terdekat (Sijil Perkahwinan / Sijil Kelahiran) |

Rujukan: AIRASIA/PEMBATALAN/2026 16 Februari 2026

| Jenis-jenis Pembatalan Tempahan | Syarat Permohonan Pembatalan Tempahan | Dokumen yang Diperlukan |
|---|---|---|
| Kes Kematian | Tidak dapat menaiki penerbangan kerana berlaku kematian individu (penumpang) atau ahli keluarga terdekat individu tersebut.<br><br>*AirAsia menetapkan bahawa ahli keluarga berikut adalah sebagai "anggota keluarga terdekat":<br><br>• Suami / Isteri<br>• Anak<br>• Ibu/Bapa<br>• Adik Beradik<br>• Datuk/Nenek | • Surat rasmi jabatan untuk permohonan pembatalan tempahan<br>• Salinan waran dan tiketSalinan sijil kematian dan/atau sebarang dokumen sokongan yang berkaitan yang tertakluk kepada syarat-syarat kami.<br>• Dokumen bukti pertalian diperlukan. |
| Pembatalan Penerbangan | Penerbangan dibatalkan oleh AirAsia disebabkan oleh gangguan operasi<br><br>***tarikh penerbangan tidak boleh diubah untuk semakan** | • Surat rasmi jabatan untuk permohonan pembatalan tempahan<br>• Salinan waran dan tiket<br>• Salinan email/mesej notifikasi dari AirAsia |
| Penjadualan Semula Penerbangan | Penerbangan yang dijadual semula oleh AirAsia lebih daripada 3 jam.<br><br>***tarikh penerbangan tidak boleh diubah untuk semakan** | • Surat rasmi jabatan untuk permohonan pembatalan tempahan<br>• Salinan waran dan tiket<br>• Salinan email/mesej notifikasi dari AirAsia |

# LAMPIRAN C

Rujukan: AIRASIA/BAYARAN BALIK/2026 16 Februari 2026

**MEMO**

Kepada : Jabatan Kerajaan

Dari : Kewangan Korporat AirAsia

Tarikh :16 Februari 2026

Tajuk : Tatacara Permohonan Bayaran Balik Bagi Tiket Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA)

**Assalamualaikum dan Salam Sejahtera ,**

Tuan/Puan,

Kami lampirkan tatacara permohonan bayaran balik bagi tiket WPUA **berkuatkuasa pada 1 Mac 2026.**

Oleh itu, mohon perhatian pihak jabatan kepada perkara di bawah:

1. **Permohonan bayaran balik yang lengkap** mestilah dibuat **tidak lebih dari 180 hari selepas tarikh penerbangan.**

2. Permohonan bayaran balik pada dan **selepas 181 hari dari tarikh penerbangan tidak akan diproses dan akan ditolak.**

3. Semua permohonan bayaran balik perlu diemelkan kepada **maa_gov_finance@airasia.com** sahaja dan permohonan melalui pos dan kurier tidak akan dilayan.

4. Adalah dimaklumkan, permohonan bayaran balik adalah tertakluk kepada **bayaran penalti seperti dibawah:**

| | | |
|---|---|---|
| Seorang/setiap penumpang (per person) | Perjalanan sehala (per sector/per way) | MYR 100 (tertakluk kepada bayaran cukai jualan dan perkhidmatan - SST) |

5. **Sekiranya bayaran balik adalah disebabkan kecuaian dan kesilapan dari pihak jabatan (PTJ) dan kesalahan kunci masuk/lain-lain dari pihak travel agensi, AirAsia tidak akan bertanggung jawab dan permohonan bayaran balik adalah tidak termaktub.**

6. Sebarang maklumat lanjut, tuan/puan boleh menghubungi kami di 03-8660 0004 atau emel kepada maa_gov_finance@airasia.com

7. Keputusan bayaran balik adalah muktamad dan bergantung sepenuhnya kepada penilaian pihak kewangan korporat AirAsia Berhad.

8. Terma dan syarat seperti di lampiran.

Sekian, terima kasih.

**Kewangan Korporat**
AirAsia Berhad

AirAsia Group Berhad (284669-W)
RedQ, Jalan Pekeliling 5, Kuala Lumpur International Airport (klia2)
64000 KLIA, Selangor, Malaysia
airasia.com

Rujukan: AIRASIA/BAYARAN BALIK/2026 16 Februari 2026

**LAMPIRAN.**

Berikut ialah jenis bayaran balik dan dokumen yang diperlukan:

| Jenis-jenis Bayaran Balik | Syarat Permohonan Bayaran Balik | Dokumen yang Diperlukan |
|---|---|---|
| Urusan rasmi jabatan dibatalkan/dipinda/bertindih/mesyuarat berpanjangan | Tidak menaiki penerbangan kerana urusan rasmi | • Surat rasmi jabatan untuk permohonan bayaran balik<br>• Salinan waran dan tiket<br>• Borang Bayaran balik<br>• Surat/memo/email berkaitan pembatalan atau pindaan program/aktiviti/urusan rasmi |
| Kes Perubatan | Tidak dapat menaiki penerbangan kerana dimasukkan ke hospital – kecederaan berat yang menjejaskan pergerakan / penyakit serius yang memerlukan rawatan berterusan / kehamilan (melebihi 35 minggu / keguguran / dll) | • Surat rasmi jabatan untuk permohonan bayaran balik<br>• Salinan waran dan tiket<br>• Borang Bayaran balik<br>• Surat Keterangan Rasmi dari Hospital/Klinik<br>• Tahap Kesihatan<br>• Laporan Perubatan (X-ray, Ujian Makmal, Laporan Pembedahan, dll)<br>• Tempoh Pemulihan/Rawatan dan tempoh tidak dibenarkan untuk terbang (tarikh kemasukan dan tarikh keluar; untuk kemasukan hospital yang berterusan, tarikh kemasukan sahaja adalah mencukupi)<br>• Tandatangan Doktor/Pakar Perubatan yang Merawat<br>• Cop Rasmi Doktor/Pakar Perubatan yang Merawat<br>• Tarikh surat dikeluarkan<br>• Bukti Pertalian sekiranya anda mengemukakan permohonan bagi pihak ahli keluarga terdekat (Sijil Perkahwinan / Sijil Kelahiran) |

Rujukan: AIRASIA/BAYARAN BALIK/2026 16 Februari 2026

| **Jenis-jenis Bayaran Balik** | **Syarat Permohonan Bayaran Balik** | **Dokumen yang Diperlukan** |
|---|---|---|
| Kes Kematian | Tidak dapat menaiki penerbangan kerana berlaku kematian individu (penumpang) atau ahli keluarga terdekat individu tersebut.<br><br>*AirAsia menetapkan bahawa ahli keluarga berikut adalah sebagai "anggota keluarga terdekat":<br><br>• Suami / Isteri<br>• Anak<br>• Ibu/Bapa<br>• Adik Beradik<br>• Datuk/Nenek | • Surat rasmi jabatan untuk permohonan bayaran balik<br>• Salinan waran dan tiket<br>• Borang Bayaran balik<br>• Salinan sijil kematian dan/atau sebarang dokumen sokongan yang berkaitan yang tertakluk kepada syarat-syarat kami.<br>• Dokumen bukti pertalian diperlukan. |
| Pembatalan Penerbangan | Penerbangan dibatalkan oleh AirAsia disebabkan oleh gangguan operasi<br><br>***tarikh penerbangan tidak boleh diubah untuk semakan** | • Surat rasmi jabatan untuk permohonan bayaran balik<br>• Salinan waran dan tiket<br>• Borang Bayaran balik<br>• Salinan email/mesej notifikasi dari AirAsia |
| Penjadualan Semula Penerbangan | Penerbangan yang dijadual semula oleh AirAsia lebih daripada 3 jam.<br><br>***tarikh penerbangan tidak boleh diubah untuk semakan** | • Surat rasmi jabatan untuk permohonan bayaran balik<br>• Salinan waran dan tiket<br>• Borang Bayaran balik<br>• Salinan email/mesej notifikasi dari AirAsia |